

# PROSEDUR PENUBUHAN PERSATUAN PELAJAR

## 1.0 Tujuan

Prosedur ini menerangkan tentang proses yang perlu dilaksanakan untuk menubuhkan sesebuah persatuan pelajar. Penubuhan sesebuah Persatuan Pelajar di UTHM adalah berdasarkan kepada Seksyen 49 (1) Walau apa pun seksyen 48 sah di sisi undang-undang bagi tidak kurang daripada sepuluh orang pelajar Universiti mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Naib Canselor dan tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Naib Canselor, menubuhkan suatu persatuanpelajar yang terdiri daripada pelajar Universiti bagi memajukan sesuatu tujuan atau kepentingan tertentu Universiti. Subseksyen 48(3), (4), (5), (6), (7), (8), (11), (12) dan (13) hendaklah terpakai *mutatis mutandis* bagi sesuatu persatuanpelajar yang ditubuhkan di bawah seksyen ini sebagaimana ia terpakai bagi MPP.

## 2.0 Skop

Semua persatuan pelajar yang ditubuhkan adalah menggunakan prosedur yang seragam.

## 3.0 Terminologi

### 3.1 Borang Permohonan

Borang yang khusus digunakan untuk memohon bagi tujuan menubuhkan PersatuanPelajar ([Borang 1](#))

### 3.2 Perlembagaan Persatuan Pelajar

Peraturan bertulis mengenai perjalanan sesuatu persatuan pelajar yang dicadangkan untuk ditubuhkan ([Lampiran 1](#))

### 3.3 Jawatankuasa Penaja

Terdiri daripada 10 orang atau lebih pelajar yang mengemukakan permohonan menubuhkan Persatuan Pelajar.

## 4.0 Tanggungjawab

4.1 Pejabat Hal Ehwal Pelajar bertanggungjawab menyemak dokumen permohonan untuk menubuhkan Persatuan Pelajar sebelum dihantar kepada Timbalan Naib Canselor (HEP & Alumni).

4.2 Lembaga Pengarah Universiti bertanggungjawab untuk membuat keputusan terhadap permohonan penubuhan sesuatu Persatuan Pelajar.

## 5.0 Prosedur Terperinci

Jawatankuasa  
Penaja

PP (HEP)

- |            |  |                |
|------------|--|----------------|
| <b>5.1</b> | Kemuka Permohonan menggunakan Borang Permohonan Penubuhan Persatuan Pelajar dan cadangan Perlembagaan Persatuan Pelajar. |                |
| <b>5.2</b> | Semak maklumat yang diberikan. Sekiranya tidak lengkap atau kurang sempurna, kembalikan untuk tindakan pembetulan.       |                |
| <b>5.3</b> | TP(HEP) buat penilaian, perakuan dan semakan ke atas borang permohonan.  | TP (HEP)       |
| <b>5.4</b> | Hantar borang permohonan yang telah lengkap kepada TNC (HEPA) untuk tandatangan.   | PP/TP          |
| <b>5.5</b> | Majukan permohonan ke Mesyuarat Eksekutif untuk perakuan setelah permohonan disokong TNC (HEPA).                         | PP TNC (HEPA)  |
| <b>5.6</b> | Permohonan akan dimajukan ke Lembaga Pengarah Universiti.  | Urus setia LPU |
| <b>5.7</b> | Keluarkan surat kelulusan / penolakan kepada jawatankuasa penaja setelah mendapat keputusan Mesyuarat LPU.               | Urus setia LPU |
| <b>5.8</b> | Daftarkan pertubuhan bagi permohonan yang diluluskan sahaja.   | PP (HEP)       |

## **6.0 Rujukan**

- 6.1** Akta Universiti Dan Kolej Universiti 1971.
- 6.2** Perlembagaan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- 6.3** Statut Persatuan Pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

# FORMAT PERMOHONAN PENUBUHAN PERSATUAN

## BORANG 1

### Permohonan untuk menubuhkan Persatuan Pelajar

Kepada :

Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Melalui :

Naib Canselor  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Kami pelajar-pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia yang tersebut di bawah ini memohon untuk membentuk Persatuan di bawah Seksyen 58 Perlembagaan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Butir-butir berkenaan dengan diri kami dan persatuan yang dicadangkan adalah dinyatakan di bawah ini:

1. Butir-butir pemohon dan tandatangan mereka (Butir-butir hendaklah mengandungi Nama Pelajar, No Matrik, No. K/P, Tahun Pengajian, Jantina, Fakulti dan Tandatangan)
2. Nama persatuan yang dicadangkan :  
.....  
.....
3. Tujuan persatuan yang dicadangkan :  
.....  
.....
4. Kelayakan menjadi persatuan yang dicadangkan :  
.....  
.....
5. Anggaran bilangan pelajar yang layak menjadi ahli :  
.....
6. Anggaran bilangan pelajar yang dijangka memohon menjadi ahli :  
.....
7. Perlembagaan persatuan yang dicadangkan adalah seperti di lampiran 1 :  
.....
8. Alamat rasmi persatuan :  
.....  
.....  
.....

Tarikh : .....

**Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971  
Perlembagaan Universiti Tun Hussein Onn  
Malaysia 2010**

**Perlembagaan  
(Nyatakan Nama Persatuan)**

**Nama**

1. Nama persatuan ini ialah :
  - i. Nama dan nama ringkas
  - ii. Alamat
  - iii. Logo
  - iv. Moto

**Tujuan**

2. Tujuan persatuan ini ialah
  - (1) Tujuan atau kepentingan yang dicadangkan belum dilaksanakan oleh mana-mana persatuan pelajar sedia ada
  - (2) Jelas dan khusus
  - (3) Tujuan atau kepentingan yang digalakkan di dalam Universiti
  - (4) Berkaitan dan berfaedah kepada kemajuan yang wajar bagi ahli- ahli berhubung dengan kehidupan akademik atau pembangunan holistik pelajar

**Aktiviti**

3. Aktiviti yang akan dijalankan oleh persatuan ini ialah :
  - (1) Aktiviti-aktiviti yang dijalankan tidak mendatangkan mudarat kepada kepentingan pelajar atau mana-mana pelajar atau mana-mana kepentingan Universiti

**Keahlian**

4. Ahli persatuan akademik terdiri daripada pelajar berdaftar yang mengikuti kursus/ fakulti yang berkenaan sahaja. Keahlian adalah secara automatik.

5. Kelayakan-kelayakan yang dicadang bagi ahli-ahli hendaklah adil, munasabah, berkaitan dengan tujuan atau kepentingan yang dicadangkannya dan tidak mengecualikan mana-mana kategori pelajar yang berkaitan dengan tujuan atau kepentingan tersebut atau memasukkan mereka yang tiada berkaitan dengannya.
  
6. Cara menjadi ahli adalah :
  - (1) Permohonan hendaklah dikemukakan dengan menggunakan borang yang disediakan oleh persatuan tersebut.
  - (2) Pelajar yang memohon untuk menjadi ahli persatuan itu hendaklah menghantar permohonan kepada Setiausaha persatuan tersebut.
  - (3) Majlis Eksekutif adalah berhak untuk menolak permohonan jika didapati tidak memenuhi syarat